
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2005/2006

November 2005

YSK 501 – Teori Komunikasi Lanjutan

Masa : 2 jam

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak.

Jawab **DUA (2)** soalan.

Sumbangan markah tiap-tiap soalan ialah 100 markah.

1. Jelaskan pendekatan kegunaan dan kepuasan (*uses and gratifications*). Bincangkan dakwaan bahawa pendekatan ini dipandukan oleh teori dan falsafah fungsionalisme dengan segala kelemahannya.
2. Apakah sumbangan Louis Althusser dan Antonio Gramsci terhadap kajian media dan budaya?
3. Bincangkan dakwaan bahawa kajian budaya telah melanjutkan perbincangan tentang hubungan media-audiens dari pandangan simplistik tentang pengaruh media ke pandangan yang lebih kompleks tentang peranan ideologi.
4. Apakah yang dimaksudkan dengan 'paradigma dominan' dalam komunikasi pembangunan? Dengan menyediakan contoh, bincangkan mengapa paradigma ini masih dominan.
5. Dengan meneliti adakah penting siapa yang memiliki industri komunikasi, bincangkan tesis revolusi pengurus (*managerial revolution thesis*), pendekatan keagungan pengguna (*consumer sovereignty*), perspektif *instrumentalist* dan pendekatan ekonomi-politik (*political economy*).
6. Nilaikan dakwaan bahawa proses globalisasi – dengan bantuan sistem komunikasi antarabangsa – telah menghasilkan satu perkampungan sejagat (*global village*).